



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 20 APRIL 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PADI TIDAK MENJADI, PESAWAH RUGI BESAR, NEGARA, KOSMO-6. IADA ROMPIN KENAL PASTI PUNCA, BANTU "HERO NEGARA", NEGARA, KOSMO-6.	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PROJEK KLIP : NELAYAN RAYU PERCEPATKAN AGIHAN PAMPASAN, APA KHABAR RAKYAT, SH-22. BEARS RAVAGE HONEY BEE FARM, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-2 RUGI RM20,000 SARANG MADU KELULUT DIMUSNAHKAN BERUANG, NEGERI KELANTAN,SH-27 "KAMI RUGI RM1.5 JUTA" LOKAL, HM-11 RUGI RM20,000 SARANG MADU KELULUT DIROSAKKAN BERUANG, NASIONAL,BH-19 BEARS STRIKE AGAIN AT HONEY BEE FARM, NEWS IN BRIEF, NST-7 STATUS HALAL : DEDAH LAPORAN SIASATAN, UM-ONLINE BAZAR RAMADAN UMS DIDIK PELAJAR JADI USAHAWAN, SUPPLEMENT, UM-28	LAIN – LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lebih 100 petani terbeban, sedih menjelang sambutan Aidilfitri

## Padi tidak menjadi, pesawah rugi besar

### LAPORAN KHAS

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**

**ROMPIN** - Terpaksa membiarkan hasil padi tanpa dituai, malah ada yang hanya dapat 900 kilogram atau RM1,000 bagi kawasan seluas 4.9 hektar.

Demikian nasib yang menimpa lebih 100 pesawah di Paya Sepayang di sini yang mengalami kerugian selepas hasil padi jatuh menjunam di kawasan jelapang padi Pahang seluas kira-kira 280 hektar itu.

'Malapetaka' itu menyebabkan hasrat mereka untuk menggunakan hasil jualan padi bagi persembahan Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja musnah malah mereka terbeban mencari modal memulakan semula penanaman padi yang dijadualkan bermula bulan hadapan.

Berdasarkan tinjauan Kosmo! mendapati, akibat padi yang tidak menjadi menyebabkan terdapat pesawah yang tidak langsung menuai padi dan membiarkannya reput di tengah bendang.

Seorang pesawah Wan Mohamad Kamal Wan Sulaiman, 60, berkata, dia terbeban teruk apabila mengalami kerugian besar selepas hanya mendapat kira-kira 900 kilogram (kg) hasil padi di kawasan sawah seluas 4.9 hektar dengan nilai jualan tidak sampai RM1,000.

"Ini yang paling teruk dan memang saya mengalami kerugian besar, kerana kalau dikira kos bagi kira-kira 1.2 hektar sekurang-kurangnya adalah sebanyak RM4,500 dengan keseluruhan kira-kira RM18,000 saya rugi."

"Saya tidak pasti ruangkan



**MOHD. FAZIL** melihat padi yang berkurangan sehingga memaksanya tidak menuai hasil sawah di kawasan penanaman Paya Sepayang, Rompin semalam.



**SEBAHAGIAN** pesawah di Paya Sepayang hanya mampu termonung jauh akibat hasil padi yang merosot teruk pada musim kali ini.

ia berpunca daripada penyakit tetapi saya menjaga dengan baik seperti meracun mengikut

jadual dan keperluan lain, malah saya membaja sebanyak empat kali," katanya ketika ditemui di

sini semalam.

Menurutnya, akibat keadaan itu dia terpaksa menanggung kerugian dan mengeluarkan wang simpanan yang ada bagi memulakan semula penanaman padi yang dijangka bermula pada 15 Mei depan.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah Mohd. Fadil Mahmud, 38, berkata, dia terpaksa membiarkan padi di sawah yang diusahakannya seluas 1.2 hektar tidak dituai dan reput kerana tiada hasil.

Katanya, meskipun pokok padi tumbuh tetapi buah padi yang ada amat kurang malah banyak padi yang hanya tinggal hampa menyebabkan tidak berbaloi untuk menuai.

"Saya sedih kerana hasil kali ini begitu teruk walaupun kali ini adalah dalam musim utama yang biasanya boleh mendapat



Ini yang paling teruk dan memang saya mengalami kerugian besar, kerana kalau dikira kos bagi 1.2 hektar sekurang-kurangnya RM4,500 dengan keseluruhan kira-kira RM18,000 saya rugi."

**WAN MOHAMAD KAMAL**

hasil yang baik, memang terbeban kerana musim lepas pun tidak berapa menjadi."

"Kalau tiada sumber pendapatan lain memang tidak boleh bersawah lagi selepas ini, macam manalah golongan muda hendak menceburkan diri dalam pertanian khususnya sawah kalau merugikan seperti yang menimpa lebih 100 pesawah di kawasan ini," katanya.

Tambahnya, dia berterima kasih kepada pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin yang banyak membantu khususnya dalam penyediaan infrastruktur dan bantuan lain.

Sementara itu, seorang lagi pesawah Halijah Dahlan, 61, berkata, dia buntu pada kali ini untuk mendapatkan modal bagi menanam semula padi pada musim hadapan memandangkan mengalami kerugian dan kehabisan wang simpanan.

"Dengan harga racun yang meningkat kita berasa begitu terbeban apatah lagi dalam persembahan menghadapi sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi."

"Sawah saya 1.2 hektar hanya dapat hasil 520 kilogram sahaja (kira-kira RM500), saya buntu dan masa ini duit benih padi pun saya tidak dapat bayar lagi begitu juga sawah yang saya sewa, saya tidak tahu lagi apa nak dikatakan," ujarnya.

## IADA Rompin kenal pasti punca, bantu 'hero negara'

**ROMPIN** - Pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin memandang serius masalah pesawah atau 'hero negara' yang mengalami kemerosotan hasil di sawah Paya Sepayang sehingga membebankan mereka.

Pengarah IADA Rompin, Mohd. Faizul Miran berkata, pada masa ini pihaknya masih menunggu laporan rasmi mengenai hasil di jelapang padi itu ter-



masuk punca kemerosotan hasil.

"Pihak kawalan penyakit Jabatan Pertanian telah turun ke lapangan bagi mengenal pasti punca dan kita juga sentiasa berusaha dan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi

membantu pesawah.

"Antara perkara yang dilihat termasuklah masalah tikus, penyakit padi dan sebagainya, namun kita menunggu laporan rasmi mengenai punca yang menjejaskan hasil petani," katanya di sini semalam.

Katanya, pihak IADA sentiasa berusaha membantu pesawah yang disifatkan sebagai 'hero negara' sama ada dalam menyediakan infrastruktur terbaik dan

meringankan beban mereka.

Katanya, pada musim lalu pihak IADA telah menerapkan teknologi penanaman padi dengan kaedah tanam secara 'transplant' di beberapa lot kawasan sawah berkenaan.

"Pada tahun ini kita akan meletakkan kapur di kawasan sawah bagi menyuburkan tanah selain bantuan bajak pertama kepada pesawah bagi meringankan beban mereka," ujarnya.



**MOHD. FAIZUL**

# Projek KLIP: Nelayan rayu percepatkan agihan pampasan

**SEBANYAK** RM5.4 juta nilai pampasan diberikan kepada nelayan terlibat selepas projek mega Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Biapun projek mega itu dijangka bermula selepas perayaan ini, namun hakikatnya wang pampasan yang diberikan pemaaju melalui kerajaan negeri belum dapat diinkamali mereka yang akan terkesan dengan projek terbabit.

Wartawan Sinar Harian, **NORFARHANA YAACOB** menelusuri luhutan nelayan terlibat yang mahukan agihan wang pampasan itu diserahkan segera.

Lebih 260 nelayan layak terima bayaran pampasan selepas pendapatan terjejas setelah wujudnya projek berkenaan

MELAKA

Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) merayu kerajaan negeri mempercepat pemberian pampasan sebanyak RM5.4 juta kepada nelayan yang terkesan dengan projek mega KLIP sebelum Syawal tiba.

Pengerusinya, Mazlan Bakar berkata, kira-kira 265 ahli persatuan itu layak menerima bayaran pampasan selepas pendapatan terjejas dan berkurangan setelah wujudnya projek berkenaan.

Menurutnya, tuntutan itu juga berikutan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal disambut tidak lama lagi sekali gus membolehkan nelayan membuat persiapan terutama sewaktu musim Monsun Barat Daya yang menyebabkan mereka tidak boleh ke laut.

"Pampasan berkenaan sudah disalur-



Mazlan (tiga dari kiri) dan Ahli Lembaga Pengarah PNKMB menunjukkan surat LBSB mengenai pampasan RM5.4 juta untuk nelayan di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah, Melaka.

kan oleh pemaaju projek KLIP bernilai kira-kira RM15.5 bilion kepada kerajaan negeri untuk diagihkan kepada ahli PNKMB, hujung tahun lalu.

"Kami sudah menerima surat daripada pemaaju KLIP iaitu Linggi Base Sdn Bhd (LBSB) bertarikh 14 Oktober 2021 yang memaklumkan syarikat itu sudah menyalurkan RM5.4 juta pampasan untuk nelayan kepada kerajaan negeri," katanya kepada pemberita di sini.

Mazlan berkata, pihaknya juga telah mengutus surat kepada bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Ts Kamel Mohamad pada Oktober tahun lalu, selain bertemu Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman pada Januari lepas, bagi menuntut pampasan yang dijanjikan.

"Sehingga kini, masih belum ada jawapan, jadi kita berharap supaya Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali meneliti rayuan nelayan kerana pampasan itu seharusnya diagihkan kepada ahli PNKMB tanpa membabitkan nelayan ahli PNK Melaka Selatan dan PNK Jasin.

"Hanya nelayan di perairan Melaka Barat dari Kuala Linggi hingga Tanjung Bidara terjejas dengan projek itu," katanya.

Jelasnya, agihan pampasan berkenaan juga akan diberikan kepada nelayan sungai di Paya Lebar yang menjadi ahli PNKMB.

"Sejak LBSB mengumumkan pampasan itu tahun lalu, kebanyakan ahli PNKMB tidak putus-putus mendesak agar ALP persatuan segera menuntutnya daripada kerajaan negeri," katanya.



MOHD ALI



MAZLI

## Perbelanjaan

Nelayan, Mohd Ali Abu Bakar, 52, berkata, dia begitu mengharapkan wang pampasan itu bagi menampung perbelanjaannya sekeluarga.

"Lagipun kami nelayan tak ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Orang lain boleh keluaran duit untuk sambut raya tapi nasib kami masih tidak diketahui," katanya.

Mazli Abd Ghani, 67, yang mewakili pengurus dan persatuan itu juga mendesak kerajaan negeri segera memberikan wang pampasan kepada nelayan terlibat.

"Kebanyakan nelayan di sini golongan B40 dan berharap disegerakan bagi membuat persiapan raya," katanya.

Untuk rekod, fasa pertama KLIP membabitkan kerja menambak laut bagi membina pulau seluas 248 hektar yang 500 jaraknya meter dari tanah besar.

Seterusnya kerja pembinaan fasiliti tangki simpanan cecair, limbungan pembaikan kapal, limbungan fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk himpitan kapal akan memerlukan 115,000 tenaga kerja.

Projek berkenaan dijangka siap dalam

antara lima hingga lapan tahun yang mana KLIP menyediakan peluang pekerjaan kepada 6,000 tenaga kerja dengan 60 peratus tenaga mahir, 30 peratus kejuruteraan dan 10 peratus pengurusan.

KLIP bukan untuk memenuhi permintaan pelabuhan kapal dagang, sebaliknya hub antarabangsa industri minyak dan gas bersepadu, perkhidmatan pelabuhan dan perkapalan serta industri maritim yang bakal memberi impak besar kepada ekonomi negeri dan Malaysia.

Tatapan Undangan:  
**MOHD TAWFIK ISMAIL**  
Pengasas Gerak Independent

**BERSAMA**  
**JOHAN JAAFFAR**  
TOKOH WARTAWAN NEGARA

RABU • 20 APRIL 2022 • 3 PETANG

Sinar  
Sambutan secara langsung di  
sinar.sinar.com.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

## Bears ravage honey bee farm

**KUALA KRAI:** Bears have wreaked havoc at a honey bee farm in Kampung Geretak Kangkong, where the farmer has suffered losses of about RM20,000 since the end of last year.

*Kelulut* (stingless bee) honey farmer Che Awang Mat Zin, 69, said the bears struck for the second time on Monday, destroying *kelulut* logs and fences at the farm.

Che Awang, who cultivates honey on a 0.4ha site, said the animals have destroyed 30 of his 180 *kelulut* beehives so far.

"Each log is priced at RM700, and due to the attacks, I have lost about RM20,000. These incidents have also affected my income.

"Previously, I used to earn between RM1,500 and RM2,000 a month from the sale of *kelulut* honey," he said yesterday.

Che Awang added he had previously lodged a report with the Department of Wildlife and National Parks (Perhilitan).

"Perhilitan took action by installing traps to catch the bears a few months ago but it was unsuccessful as the animals are smart. I hope the relevant authorities will take action to overcome this problem," said the government retiree.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	27

## Rugi RM20,000 sarang madu kelulut dimusnahkan beruang

**KUALA KRAI** - Seorang pengusaha madu kelulut di Kampung Geretak Kangkong di sini kerugian RM20,000 apabila 30 daripada 180 sarang kelulutnya dimusnahkan beruang sejak akhir tahun lepas.

Che Awang Mat Zin, 69, yang mengusahakan madu kelulut di tanah seluas 0.4 hektar berkata kejadian terbaharu berlaku pada Isnin.

Menurutnya, selain log kelulut, haiwan liar itu turut merosakkan pagar yang dibina di kawasan madu kelulutnya itu.

“Setiap satu log berharga RM700 akibat serangan haiwan liar itu saya kerugian kira-kira RM20,000.

“Akibat kejadian itu hasil tuai dan pendapatan saya terjejas, sebelum ini saya mampu meraih pendapatan RM1,500 hingga RM2,000 sebulan hasil jualan madu kelulut,” katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Jelas pesara kerajaan itu juga, sebelum ini dia pernah membuat laporan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan segera.

“Perhilitan telah mengambil

tindakan dengan memasang perangkap haiwan itu beberapa bulan lepas namun tidak berhasil kerana haiwan itu cerdik.

“Jika haiwan ini berterusan berkeliaran bukan sahaja sarang kelulut saya musnah, malah penduduk dan kebun penduduk di sini turut terancam, saya harap pihak berwajib akan terus mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini,” katanya. - *Bernama*



Che Awang menunjukkan perangkap dipasang Perhilitan untuk menangkap beruang di Kampung Geretak Kangkong, Kuala Kral pada Selasa.



ZAKARIA memberi makan ikan yang ditenaknya di Kampung Pantai Ali, Kuala Berang. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

## 'Kami rugi RM1.5 juta'

30 penternak alami kerugian ikan mati, sangkar rosak akibat banjir

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

### Kuala Berang

**"B**iasanya setiap kali Ramadan lebih 30 metrik tan ikan air tawar berjaya dipasarkan, namun kini hanya dua metrik tan sahaja akibat kesan banjir pada 27 Februari lalu."

Begitu kata Zakaria Ismail, 65, dari Kampung Pantai Ali, di sini, apabila kira-kira 30 peserta di bawah kelolaannya mengalami kerugian keseluruhan berjumlah RM1.5 juta.

Selaku ketua kelompok, katanya, mereka mempunyai 250 sangkar membabitkan pelbagai spesies ikan antaranya patin, baung, talapia dan keli.

"Banjir luar biasa pada Februari lalu mengakibatkan banyak ikan yang mati berikutan kualiti air berhempur selain berlaku kerosakan sangkar.

"Ramadan kali ini hanya baki ikan yang terselamat dapat dijual iaitu hanya dua metrik tan dan ia amat menjejaskan pendapatan penternak.

"Permintaan ikan air tawar pada Ramadan amat tinggi dan biasanya lebih 30 metrik tan

ikan dijual setiap tahun," katanya.

Menurutnya, sebanyak 30 sangkar peserta mengalami kerosakan keseluruhan manakala selebihnya ada yang rosak dan ada yang boleh dibaiki.

"Akibat banjir juga, 500 induk dan 50,000 benih yang berada di tempat biak baka dihanyutkan dan peserta dianggarkan memerlukan RM500,000 bagi memulakan semula ternakan termasuk kos baik pulih sangkar, benih ikan dan makanannya," katanya.

Sementara itu, penternak, Mohd Jamaludin Abdullah, 47, berkata setiap kali Ramadan, dia mampu meraih RM10,000 hasil jualan ikan ditenak.

"Namun, Ramadan tahun ini tiada pendapatan berikutan ikan yang ditenak semuanya mati dalam kejadian banjir dua bulan lalu," katanya.

Penternak lain Azmi Abdullah, 40, berkata dia mengalami kerugian kira-kira RM50,000 apabila tujuh sangkarnya mengalami kerosakan selain ikan yang ditenak mati.

"Ramadan kali ini menguji kami apabila tidak dapat mengeluarkan hasil seperti kebiasaannya," katanya.



AZMI (Kanan) dan Mohd Jamaludin melihat sangkar ikan yang rosak belum dibaiki.

# Rugi RM20,000 sarang kelulut dirosakkan beruang

**Kuala Krai:** Seorang pengusaha madu kelulut kerugian hampir RM20,000 selepas 30 daripada 180 sarang kelulut dimusnahkan beruang yang memasuki kawasan kebunnya sejak Disember tahun lalu.

Che Awang Mat Zin, 69, berkata beruang yang berkeliaran di kawasan kebunnya pada waktu malam merosakkan sarang kelulut yang berharga RM700 setiap satu.

Setiap pagi apabila dia ke kebun untuk melihat log sarang kelulut, pasti akan ada dua atau tiga log sarang kelulut yang dirosakkan haiwan ini.

"Kebiasaannya, pendapatan hasil daripada menjual madu kelulut saya gunakan untuk membeli atau menambah log sarang kelulut, namun sejak penghujung tahun lalu sudah banyak log sarang kelulut dimusnahkan beruang dan saya berasa sangat sedih.

"Bagi mengelakkan terus menanggung kerugian, saya sudah membuat laporan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Kelantan untuk tindakan segera dan perangkap pun sudah dipasang, namun ia masih belum berhasil," katanya ditemui di kebun kelulutnya di Kampung Geretak Kangkong.

Bapa kepada lapan anak berusia di antara 23 hingga 39 tahun ini berkata, selepas bersara pada 2011 sebagai kakitangan Kemen-



Che Awang menunjukkan sarang kelulut yang dimusnahkan beruang di Kampung Geretak Kangkong, Kuala Krai. (Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

terian Kesihatan, dia mengusahakan penternakan kelulut pada 2014 dengan permulaan 20 log sarang kelulut di kawasan rumahnya.

Disebabkan madu kelulut mendapat permintaan tinggi, Che Awang menambah log sarang kelulut ini secara berperingkat hingga memiliki 180 log sarang kelulut.

Kebiasaannya beliau akan menuai kelulut tiga kali setahun dan hasil yang diperoleh pada setiap kali tuaian adalah di antara 200 hingga 300 kilogram.

"Madu kelulut yang diusahakan ini dijual bagi pasaran di seluruh negara, malah permintaan madu kelulut juga meningkat ketika pandemik COVID-19," katanya.

20/4/2022

NEWS IN BRIEF

7

STRAITS  
TIMES

## Bears strike again at honey bee farm

**KUCHING:** Bears have wreaked havoc again at a honey bee farm in Kampung Geretak Kangkong here, contributing to the apiary's RM20,000 in losses since the end of last year.

*Kelulut* (stingless bee) honey farmer Che Awang Mat Zin, 69, said the bears struck again on Monday, destroying *kelulut* logs and fences in the farm.

Che Awang, who cultivates honey on a 0.4ha site, said the animals had destroyed 30 of his 180 *kelulut* hives so far.

"Each log is priced at RM700. Due to the attacks, I have lost about RM20,000. These

incidents have affected my income.

"Previously, I used to earn between RML500 and RM2,000 a month from selling *kelulut* honey," he said here yesterday.

Che Awang said he had lodged a report with the Department of Wildlife and National Parks (Perhilitan).

"Perhilitan took action by installing traps to catch the bears a few months ago, but it was unsuccessful as the animals are smart.

"I hope the authorities will take action to overcome this problem," said the government retiree. **Bername**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## STATUS HALAL: DEDAH LAPORAN SIASATAN

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
20 April 2022, 7:37 am



### KERATAN laporan Utusan Malaysia

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diminta mendedahkan kepada umum hasil dan metodologi siasatan yang dilaksanakan selepas mengesahkan Thomas Foods Industries di Australia mematuhi keperluan standard penyembelihan halal Malaysia dan peraturan ke atas haiwan yang ditetapkan pihak berkuasa Australia.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pusat Memerangi Kronisme dan Korupsi (C4 Center) berkata, Jakim turut mengesahkan Pegawai Atase Halal Jakim di Canberra yang menjalankan audit berkala ke atas rumah penyembelihan itu pada 2 Mac lalu mendapati ia mematuhi peraturan ditetapkan.

Ia susulan pendedahan akhbar ini berhubung 'Rumah Sembelih di Australia bekal 45 peratus daging ke Malaysia tidak ikut syariat Islam – Status halal meragukan' dengan memetik pendedahan oleh Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor dan penyelidik bebas warganegara berkenaan, Murray Hunter.

Dalam hal itu, C4 Center menyeru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk terus menjalankan siasatan bebas dan terbuka terhadap isu ini yang turut berkait dengan kartel daging serta menyediakan laporan telus tentang kemajuan siasatan sebagaimana pernah didedahkan dua tahun lalu.

“C4 Center menyeru Jakim untuk mendedahkan kepada umum hasil dan metodologi siasatan mereka demi ketelusan dan penelitian awam.

“Integriti dan ketelusan agensi kerajaan mesti dipastikan, terutama apabila ia melibatkan perkara yang terikat dengan akidah dan kerohanian ramai rakyat Malaysia,” katanya di sini semalam.

Khamis lalu, Utusan Malaysia mendedahkan, terdapat rumah penyembelihan kambing biri-biri di Australia yang mendapat pengiktirafan Malaysia dan Singapura, didapati melanggar protokol sembelihan halal.

Menurut laporan yang disokong saksi, kambing biri-biri dilemaskan dalam darah yang terkumpul daripada haiwan yang disembelih sebelumnya dan bukannya kerana haiwan itu disembelih sebagaimana syarat yang diperlukan dalam keperluan penyembelihan halal.

Susulan itu, Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan Sabtu lalu memberitahu, pihaknya akan membongkar lebih banyak isu daging import yang diragui status halalnya.

Dalam pada itu, C4 Center berkata, SPRM sebelum ini telah membuka siasatan berhubung kartel daging dan perkara itu membawa pertuduhan terhadap mereka yang terlibat dalam kegiatan tersebut.

Pada Mei tahun lalu, empat penolong pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan seorang pemilik syarikat logistik telah didakwa di Johor Bahru.

Bagaimanapun, katanya, maklumat lanjut mengenai penyiasatan seterusnya adalah tidak mencukupi.

“Operasi kartel daging didedahkan meluas, mungkin melibatkan ramai pegawai tinggi kerajaan. Penahanan beberapa pegawai mungkin dalam kalangan ‘ikan bilis’ sahaja.

“Siasatan lanjut oleh SPRM adalah perlu untuk membendung operasi kartel daging di akar umbinya. Kemungkinan operasi kartel daging rentas sempadan melibatkan dakwaan rasuah agensi negara lain juga memerlukan siasatan lanjut dan SPRM mesti menjelaskan jika bidang kuasa lain mengambil bahagian dalam siasatan ini,” katanya. – UTUSAN



20 APR, 2022

## Bazar Ramadan UMS didik pelajar jadi usahawan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

## Bazar Ramadan UMS didik pelajar jadi usahawan



**TAUFIQ (dua kanan) mengedarkan bakul berisi bubur lambuk, buah-buahan dan kurma kepada salah seorang pengunjung di Bazar Ramadan UMS.**

SEMPENA Ramadan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan program Bazar Ramadan bagi memberikan pengalaman memiaga, sekali gus menjana pendapatan kepada pelajar.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, program berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar universiti berkenaan dalam bidang keusahawanan.

"Program ini amat bertepatan dengan usaha UMS untuk menerapkan kemahiran insaniah kepada para pelajar sebagai persiapan memasuki dunia sebenar pekerjaan apabila

tamat pengajian kelak.

"Kita ingin melihat pelajar-pelajar kita bukan hanya menjadi kakitangan kepada orang lain tetapi juga menjadi majikan atau 'tauke' besar suatu hari nanti," katanya.

Program yang berlangsung sepanjang bulan puasa itu dianjurkan bersama Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) UMS dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah.

Sementara itu Pengarah FAMA Sabah, Ribin Wahid berkata, kombinasi antara pihak usahawan dan juga para pelajar sepanjang program ini diharap dapat menerapkan

komuniti usahawan dalam kalangan pelajar UMS.

"Kita juga berharap, program-program seumpama ini akan berterusan melalui kerjasama dengan pihak UMS sekali gus mempertingkatkan usahawan dalam agromakanan.

"FAMA menjalin kerjasama dengan UMS sejak tahun 2016, menerusi program Pasar Tani My Best Buy yang kini dijenamakan semula sebagai Program Tani Uptown@MyRakyat yang beroperasi setiap Khamis sejak 17 Mac lalu," ujarnya.

Seramai 28 pentaga terdiri daripada pelajar, alumni UMS dan pentaga luar terlibat dalam Bazar Ramadan UMS 2022.



20 APR, 2022

## Bazar Ramadan UMS didik pelajar jadi usahawan

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TAUFIQ (dua kanan) mengedarkan bakul berisi bubur lambuk, buah-buahan dan kurma kepada salah seorang pengunjung di Bazar Ramadan UMS.

SEMPENA Ramadan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan program Bazar Ramadan bagi memberikan pengalaman berniaga, sekali gus menjana pendapatan kepada pelajar. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, program berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar-pelajar universiti berkenaan dalam bidang keusahawanan.